
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

YWP 215 – PENGENALAN KEPADA KEWARTAWANAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan dari setiap satu bahagian.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

BAHAGIAN A

1. Kaedah pengumpulan maklumat yang efektif akan menentukan sama ada seseorang wartawan itu berjaya memperolehi maklumat yang diperlukan ataupun tidak. Huraikan dengan memberi contoh mengenai lima perkara yang perlu dilakukan dan lima perkara yang perlu dielakkan dalam sesi temubual bagi memastikan keberkesanannya.
2. Wartawan perlu mempunyai ciri-ciri tertentu bagi memastikan dia sentiasa efektif ketika menggumpul dan melaporkan berita. Bincangkan 10 ciri utama yang perlu ada pada wartawan dengan mengaitkannya dengan ciri-ciri "*a nose for news*".
3. Bahan-bahan yang berpotensi perlu bersaing sebelum menjadi berita. Huraikan dengan memberi contoh faktor-faktor yang mempengaruhi berita sebagai produk akhir.

BAHAGIAN B

1. Nilaikan sejauh mana akhbar online mampu bertindak sebagai akhbar alternatif dan membuka ruang yang lebih luas untuk amalan yang bebas di Malaysia.
2. Parti-parti politik tidak sepatutnya dibenarkan memiliki atau mempunyai kepentingan dalam akhbar atau sistem penyiaran. Dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas dari Malaysia, bincangkan kenyataan ini.
3. Sistem pemberitaan dan komunikasi antarabangsa menyediakan maklumat dan gambaran yang tidak seimbang mengenai dunia. Bincang dengan menyediakan contoh-contoh.

BAHAGIAN C

1. "Adalah dipercayai bahawa imej-imej media sebenarnya dibentuk dan sesetengah pembentukan imej tersebut dipercayai benar berbanding sesetengah yang lain". (Goodwin, A. 1990)
("It is quite plausible to believe that all media images are constructed and still maintain that some constructions are more truthful than others")

Dengan contoh yang sesuai, bincangkan secara kritis kenyataan Goodwin itu dengan meneliti prinsip-prinsip ketepatan, objektiviti dan keseimbangan dalam pelaporan berita.

2. Huraikan tiga aliran pemikiran tentang etika kewartawanan. Nilaikan aliran manakah yang paling bersesuaian dengan keadaan di Malaysia.